

1053 *Hadhf al-Kalimah (Elipsis Kalimah) Dalam Surah Yasin*

¹Mohamad Syukri Abdul Rahman, ²Md Noor Hussin, ³Muhammad Daoh, ²Ahmad Redzaudin Ghazali, ²Mohamad Rofian Ismail, ⁴Mohd Izzuddin Mohd Pisol, ²Salman Zainal Abidin, ⁵Sri Andayani Mahdi Yusuf

¹Corresponding Author : msyukri@kuis.edu.my

^{1,2}Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
³Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial, Universiti Selangor (UNISEL)
⁴Fakulti Pendidikan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
⁵Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

ABSTRAK

Bahasa yang dipilih oleh Allah SWT dalam menyampaikan wahyu adalah bahasa Arab yang mempunyai ciri-ciri tersendiri dalam pembentukan sesuatu ayat, iaitu merujuk kepada aspek tatabahasa, retorika dan semantik. Ciri istimewa yang terdapat dalam bahasa Arab ialah elipsis atau *al-hadhf* atau diterjemahkan dalam bahasa Melayu mudah sebagai elipsis atau pengguguran. Perbincangan tentang elipsis (*al-hadhf*) termasuk dalam bidang retorik Arab atau disebut *al-Balaghah al-'Arabiyyah*. Dalam menghayati makna dan maksud al-Quran pemahaman terhadap unsur-unsur *al-hadhf* amat penting. Tanpa pemahaman yang mendalam tentang *al-hadhf* ayat-ayat al-Quran tidak dapat difahami dengan jelas. Bagi membincangkan topik ini dengan lebih fokus, maka artikel ini akan membincangkan tajuk *Hadhf al-Kalimah (Elipsis Kalimah) Dalam Surah Yasin*.

PENGENALAN

Bahasa Arab mempunyai keistimewaannya yang tersendiri tidak mungkin terdapat dalam bahasa-bahasa lain. Keistimewaan bahasa Arab ini terletak pada rima huruf dan perkataannya, mempunyai kosa kata yang luas, perumpamaan yang indah, makna yang mendalam dan menyeluruh, ta'bir ayat yang ringkas serta 'irabnya. Kefahaman dalam kesusasteraan Arab ini akan memudahkan seseorang memahami maksud ayat dan gaya bahasa yang digunakan terutama dalam memahami al-Quran dan hadis Rasulullah SAW.

DEFINISI AL-HAZF (ELIPSIS)

Al-Hazf atau dalam bahasa Melayunya adalah elipsis merupakan satu uslub atau gaya bahasa yang melibatkan lafaz dan makna dalam sesuatu ayat. Perkataan *al-Hazf* secara etimologinya berasal daripada perkataan حذف yang dapat diertikan sebagai penghapusan atau pengguguran. Secara terminologi, perkataan *al-Hazf* dalam ilmu tatabahasa Arab bermakna pengguguran sesuatu aspek tatabahasa Arab. Dari sudut ilmu Balaghah, *al-*

Hazf membawa maksud menjatuhkan atau menggugurkan sesuatu struktur bahasa sama ada banyak ataupun sedikit. Kewujudan al-hadhf merujuk kepada pengguguran huruf atau lafaz atau ayat yang tidak akan merosakkan makna sesuatu ayat secara keseluruhannya dengan alasan-alasan tertentu. Al-hadhf adalah salah satu daripada sejumlah besar kaedah dalam sistem tatabahasa Arab.

Secara umum, al-hadhf ialah pengguguran satu bahagian dalam ayat sama ada huruf, perkataan, tarkib dan ayat dengan syarat terdapat dilalah (petunjuk) yang menunjukkan terdapat elemen yang digugurkan dalam pertuturan atau penulisan (al-Samirra'iy, 1998). Hal ini berlaku dengan tujuan tertentu. Tujuan yang dikaitkan dengan al-hadhf ini mempunyai perkaitan rapat dengan ilmu retorik Arab. Antara tujuan penggunaan alhadhf adalah untuk menunjukkan perkara yang positif seperti meringkaskan, memberi peringatan, meringankan, memuliakan serta memberi maksud umum dalam pertuturan atau penulisan. Namun begitu, terdapat juga penggunaan al-hadhf yang membawa maksud lain, iaitu untuk tujuan sindiran atau penghinaan (Abu Shadiy, 1992).

Terdapat beberapa pendapat yang bersetuju dengan kewujudan al-hadhf pada ayat khususnya ayat-ayat al-Quran. Pada era mutakhir ini, antara individu yang menghasilkan buku tentang al-hadhf ialah Abu Shadiy (1992), al-Samirra'iy (1998) dan Fayyud (1998). Namun begitu, terdapat juga sarjana lain yang menolak kewujudan al-hadhf khususnya dalam al-Quran. Antara sarjana tersebut ialah Fadl Hasan 'Abbas yang menjelaskan pendiriannya terhadap al-hadhf di dalam bukunya, *Lata'if al-Mannan wa Rawa'i al-Bayan fi Nafy al-Ziyadah wa al-Hadhf fi al-Qur'an* (2010). Menurut Fadl Hasan 'Abbas, al-Quran merupakan wahyu Allah SWT yang diturunkan dalam keadaan sempurna dan tidak terdapat sebarang pengguguran di dalam al-Quran sama ada satu huruf, perkataan, tarkib mahupun ayat.

Menurut Tammam Hassan (1994) pula, apabila membicarakan uslub al-hadhf, ia tidak boleh difahami bahawa al-hadhf hanya berlaku apabila salah satu unsur dalam ayat digugurkan, tetapi sebenarnya al-hadhf merupakan satu uslub bahasa yang membezakan antara sistem atau kaedah bahasa dengan keperluan sesuatu ayat yang perlu bersesuaian dengan konteks tertentu. Oleh itu, ada kalanya sesuatu unsur bahasa itu dinyatakan dalam ayat dan ada kalanya digugurkan daripada ayat.

Makalah ini memfokus pada kewujudan al-hadhf dalam al-Quran dan perkaitannya dengan kaedah tatabahasa Arab. Huraian berkaitan uslub atau gaya bahasa ini adalah sepertimana yang telah disepakati oleh para mufassir dan sarjana yang bersetuju dengan kewujudan al-hadhf di dalam al-

Quran. Makalah ini turut menghuraikan empat kategori utama al-hadhf di dalam al-Quran. Kategori tersebut adalah seperti berikut:

- 1) Hadhf al-huruf (Elipsis huruf)
- 2) Hadhf al-kalimah (Elipsis perkataan)
- 3) Hadhf al-jumlah (Elipsis ayat)
- 4) Hadhf al-tarkib (Elipsis rangkaian ayat)

HAZF AL-HURUF (ELIPSIS HURUF)

Kategori pertama melibatkan hadhf al-huruf (elipsis huruf). Perkara ini dapat difahami menerusi firman Allah SWT dalam Surah al-Nisa', ayat 176:

يَسْتَفْتُونَكَ قُلِ اللَّهُ يُفْتِيكُمْ فِي الْكَلَالَةِ إِنَّ أَمْرًا هَلَكَ لَيْسَ لَهُ وَلَدٌ وَلَهُ أُخْتٌ فَلَهَا نِصْفُ
مَا تَرَكَ وَهُوَ يَرِثُهَا إِنْ لَمْ يَكُنْ لَهَا وَلَدٌ فَإِنْ كَانَتْ أَنْثَتَيْنِ فَلَهُمَا الثُّلُثَانِ مِمَّا تَرَكَ وَإِنْ كَانُوا
إِخْوَةً رَجَالًا وَنِسَاءً فَلِلَّذَكَرِ مِثْلُ حَظِّ الْأُنثَيَيْنِ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ أَنْ تَضِلُّوا وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ
عَلِيمٌ ١٧٦

Maksudnya:

Mereka (orang Islam umatmu) meminta fatwa kepadamu (wahai Muhammad, mengenai masalah Kalalah). Katakanlah: "Allah memberi fatwa kepada kamu dalam perkara Kalalah itu, iaitu jika seseorang mati yang tidak mempunyai anak dan ia mempunyai seorang saudara perempuan, maka bagi saudara perempuan itu seperdua daripada harta yang ditinggalkan oleh si mati; dan ia pula (saudara lelaki itu) mewarisi (semua harta) saudara perempuannya, jika saudara perempuannya tidak mempunyai anak. Kalau pula saudara perempuannya itu dua orang, maka keduanya mendapat dua pertiga daripada harta yang ditinggalkan oleh si mati. Dan sekiranya mereka (saudara-saudaranya itu) ramai, lelaki dan perempuan, maka bahagian seorang lelaki menyamai bahagian dua orang perempuan". Allah menerangkan (hukum ini) kepada kamu supaya kamu tidak sesat. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.

Menurut Abu Syadiy (1992), ayat ini terdapat hadhf al-huruf sepertimana yang dijelaskan oleh para mufassir. Tafsiran makna ayat 176 daripada Surah al-Nisa' dapat difahami sepertimana berikut:

يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ ... أَنْ تَضِلُّوا (لا)

Ayat ini menyentuh soal pembahagian harta pusaka melibatkan saudara perempuan (Ibn Kathir, 2004: 41/815). Jika dilihat secara zahir ayat,

huruf yang gugur pada ayat ini ialah huruf لا yang membawa maksud penafian. Penjelasan mengenai pembahagian harta pusaka yang melibatkan saudara peerempuan dijelaskan pada ayat ini supaya manusia tidak sesai, dan bukan bermaksud sebaliknya. Meskipun ianya secara zahir ayat tidak terdapat لا yang membawa maksud penafian, iaitu tidak sesat pada ayat ini.

HAZF AL-KALIMAH (ELIPSIS PERKATAAN)

Kategori kedua pula melibatkan hazf al-kalimah (elipsis perkataan). Perkara ini dapat difahami menerusi firman Allah SWT dalam Surah al-Kahf, ayat 79:

أَمَّا السَّفِينَةُ فَكَانَتْ لِمَسْكِينٍ يَعْمَلُونَ فِي الْبَحْرِ فَأَرَدْتُ أَنْ أَعِيبَهَا وَكَانَ وَرَاءَهُمْ مَلِكٌ
يَأْخُذُ كُلَّ سَفِينَةٍ غَصْبًا ٧٩

Maksudnya:

Adapun perahu itu adalah ia dipunyai oleh orang miskin yang bekerja di laut, oleh itu, aku bocorkan dengan tujuan hendak mencacatkannya, kerana di belakang mereka nanti ada seorang raja yang merampas tiap-tiao sebuah perahu yang tidak cacat.

Tafsiran makna ayat 79 daripada Surah al-Kahf dapat difahami sepertimana berikut:

وَكَانَ وَرَاءَهُمْ مَلِكٌ يَأْخُذُ كُلَّ سَفِينَةٍ غَصْبًا (صَالِحَةً)

Pada ayat 79 daripada Surah al-Kahf ini terdapat *hadhf al-kalimah* (Abu Shadiy, 1992). Ayat ini berkaitan kisah Khidir a.s. dan Nabi Musa a.s. berkaitan kisah Khidir a.s. dan nabi Musa a.s. tatkala Khidir membocorkan perahu milik golongan yang miskin (Ibn Kathir, 2004). Tindakan Khidir a.s. adalah mengelak berlaku kezaliman oleh raja ke atas golongan miskin melalui tindakannya merampas setiap perahu yang berada dalam keadaan baik. Namun, pada zahir ayat, tidak terdapat perkataan yang menjelaskan perihal keadaan perahu yang menjadi idaman raja yang zalim tersebut. Perkataan yang dimaksudkan ialah (صَالِحَةً) yang membawa maksud selamat atau tidak rosak.

HAZF AL-JUMLAH (ELIPSIS AYAT)

Kategori seterusnya ialah *hadhf al-jumlah* (elipsis ayat). Kategori ini dapat difahami menerusi firman Allah SWT dalam Surah al-Nahl, ayat 30:

وَقِيلَ لِلَّذِينَ اتَّقَوْا مَاذَا أَنْزَلَ رَبُّكُمْ قَالُوا خَيْرًا لِلَّذِينَ أَحْسَنُوا فِي هَذِهِ الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَلَدَارِ
الْآخِرَةِ خَيْرٌ وَلَنِعْمَ دَارَ الْمُتَّقِينَ ٣٠

Maksudnya:

Dan ditanya kepada orang yang bertakwa: “Apakah yang telah diturunkan oleh Tuhan kamu? Mereka menjawab: ‘Kebaikan’. Orang yang berbuat kebaikan di dunia ini beroleh balasan yang baik, dan sesungguhnya balasan negeri akhirat itu lebih baik lagi dan memanglah negeri akhirat ialah sebaik-baik negeri orang yang bertakwa.

Tafsiran makna ayat di atas dapat difahami seperti mana berikut:

وَقِيلَ لِلَّذِينَ اتَّقَوْا مَاذَا أَنْزَلَ رَبُّكُمْ قَالُوا خَيْرًا (أنزل)

Ayat ini merakamkan keadaan orang yang bertakwa tatkala ditanya oleh Allah SWT tentang apakah yang diturunkan atau dianugerahkan oleh Allah SWT kepada mereka. Maka, golongan hamba Allah SWT yang bertakwa ini menjawab bahawa sesungguhnya Allah SWT telah menganugerahkan kepada mereka kebaikan yang berupa rahmat dan berkat (Ibn Kathir, 2004: 2/1570–1571). Namun, pada ayat 30 Surah al-Nahl ini, berdasarkan zahir ayat, golongan yang bertakwa hanya menyebut kebaikan atau خَيْرًا sahaja. Jika ditafsirkan secara keseluruhan, berlaku *hadhf al-jumlah* pada ayat atau *al-jumlah al-fi'liyah* أنزل yang terdiri daripada *fi'il* atau *fa'il*, iaitu Allah SWT. Menurut Abu Shadiy (1992), berlaku *hadhf al-jumlah* pada ayat ini adalah untuk tujuan ringkasan atau *ikhtisar*.

HAZF AL-TARKIB (ELIPSIS RANGKAIAN AYAT)

Bagi kategori keempat pula, ia melibatkan *hadhf al-tarkib* (elipsis rangkaian ayat). Kategori ini dapat difahami menerusi firman Allah SWT dalam Surah al-Ahzab, ayat 37:

وَإِذْ تَقُولُ لِلَّذِي أَنْعَمَ اللَّهُ عَلَيْهِ وَأَنْعَمْتَ عَلَيْهِ أَمْسِكْ عَلَيْكَ زَوْجَكَ وَاتَّقِ اللَّهَ وَنُحِفِّي فِي
نَفْسِكَ مَا اللَّهُ مُبْدِيهِ وَتَخْشَى النَّاسَ وَاللَّهُ أَحَقُّ أَنْ تَخْشَاهُ فَلَمَّا قَضَى زَيْدٌ مِّنْهَا وَطَرًا
زَوَّجْنَاكَهَا لِكَيْ لَا يَكُونَ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ حَرَجٌ فِي زَوْجِ أَدْعِيَّتِهِمْ إِذَا قَضَوْا مِنْهُنَّ وَطَرًا وَكَانَ
أَمْرُ اللَّهِ مَفْعُولًا ٣٧

Maksudnya:

Dan (ingatlah wahai Muhammad) ketika kamu berkata kepada orang yang telah dikurniakan oleh Allah (dengan nikmat Islam) dikurniakan oleh Allah (dengan nikmat Islam) dan yang kamu juga telah berbuat baik kepadanya: “Jangan ceraikan isterimu itu dan bertakwalah kepada Allah”, sambil kamu menyembunyikan dalam hatimu perkara yang Allah akan menyatakannya; dan kamu pula takut kepada (cacian)

manusia padahal Allah jualah yang berhak kamu takuti (melanggar perintah-Nya). Kemudian setelah Zaid selesai habis selesai habis kemahuannya terhadap isterinya dengan menceraikannya, Kami kahwinkan kamu dengannya supaya tidak ada keberatan atas orang mukmin untuk berkahwin dengan isteri-isteri anak angkat mereka, apabila mereka telah habis kemahuan terhadap isterinya dengan bercerai. Dan sememangnya perkara yang dikehendaki Allah itu tetap berlaku.

Tafsiran makna ayat 37 daripada Surah al-Ahzab dapat difahami sepertimana berikut:

فَلَمَّا قَضَىٰ زَيْدٌ مِّنْهَا وَطْرًا زَوَّجْنَاكَهَا لِيَسَىٰ لَا يَكُونَ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ (طَلَقَهَا وَلَمَّا انقضت عدتها)

Berlaku *hadhf al-tarkib* pada ayat 37 daripada Surah al-Ahzab. Menurut Abu Shadiy (1992), *hadhf al-tarkib* melibatkan pengguguran al-tarkib melibatkan pengguguran lebih daripada satu ayat. Ayat yang dibincangkan ini berkenaan peristiwa Rasulullah SAW diperintahkan Allah SWT untuk menikahi bekas isteri kepada anak angkatnya, iaitu Zayd b. Harithah (Ibn Kathir, 2004: 3/2255– 2256). Dari sudut makna ayat, berlaku *hadhf al-tarkib* pada ayat ini yang maknanya difahami berdasarkan ketiadaan tarkib yang menjelaskan makna keseluruhan ayat. Makna ini difahami berdasarkan ketetapan hukum perkahwinan yang sudah sedia dimaklumi, iaitu seseorang wanita yang telah diceraikan oleh suaminya dibenarkan berkahwin dengan lelaki lain setelah tamat tempoh *'iddah*.

Penjelasan terperinci inilah yang tidak dinyatakan secara zahir melalui lafaz-lafaz ayat pada ayat 37 Surah al-Ahzab ini. Namun, ia tetap dapat difahami secara jelas. Selain itu, dapat difahami bahawa ayat ini memberi fokus kepada isu keharusan menikahi bekas isteri kepada anak angkat, maka penjelasan mengenai hukum menikahi janda secara umum selepas melalui tempoh *'iddah* bukan menjadi fokus utama kerana ia telah sedia dimaklumi. Oleh itu, *hadhf al-tarkib* pada ayat ini tidak sekali-kali mencacatkan makna ayat keseluruhannya.

HADHF AL-KALIMAH DI DALAM SURAH YASIN

Hadhf al-Kalimah yang terdapat dalam surah Yasin ialah:

a) *Hadhf al-fi'l*

Terdapat beberapa *Hadhf al-Fi'l* dalam surah Yasin iaitu:

- i) Firman Allah SWT di dalam al-Qur'an, daripada surah Yasin, ayat 1

يس

Asal bagi kalimah *يس* adalah *اتل يس*. Isa bin Omar membacanya dengan berbaris di atas kerana beliau menganggap ia di'irab sebagai 'ism mabni atau ianya dii'rab sebagai maf'ul kepada fi'l yang dihadhf iaitu *اتل يس* (Al-Alusi t.th).

- ii) Firman Allah Taala di dalam surah Yasin, ayat 12

إِنَّا نَحْنُ نُحْيِي الْمَوْتَىٰ وَنَكْتُبُ مَا قَدَّمُوا وَآثَرَهُمْ وَكُلَّ شَيْءٍ أَحْصَيْنَاهُ فِي إِمَامٍ مُّبِينٍ ﴿١٢﴾

Maksudnya:

Sesungguhnya Kami menghidupkan orang-orang yang mati, dan Kami tuliskan segala yang mereka telah kerjakan serta segala kesan perkataan dan perbuatan yang mereka tinggalkan dan (ingatlah) tiap-tiap sesuatu Kami catitkan satu persatu dalam kitab yang jelas nyata.

Asal bagi kalimah *أحصيناه* *وكل شيء* adalah *أحصينا كل شيء*. Di hadhf fi'il *أحصينا* bagi mengelakkan daripada kalimah yang sia-sia dengan sebab pengulangan. Selain itu, di hadhf fi'il untuk tujuan taukid dan ta'kid, memperkayakan makna serta bagi tujuan meringkaskan (Muhammad Nor 2006).

b) *Hadhf al-Maf'ul bih*

- i) Pekara ini dapat dilihat dalam firman Allah Taala di dalam al-Qur'an, daripada surah Yasin, ayat 14:

إِذْ أَرْسَلْنَا إِلَيْهِمُ اثْنَيْنِ فَكَذَّبُوهُمَا فَعَزَّزْنَا بِثَالِثٍ فَقَالُوا إِنَّا إِلَيْكُم مُّرْسَلُونَ ﴿١٤﴾

Maksudnya:

Ketika Kami mengutus kepada mereka dua orang Rasul lalu mereka mendustakannya; kemudian Kami kuatkan (kedua Rasul itu) Dengan Rasul Yang ketiga, lalu Rasul-rasul itu berkata: ` Sesungguhnya Kami ini adalah diutuskan kepada kamu '.

Kata nama *اثنين* adalah *maf'ul bih* kepada kata kerja *أرسلنا* dan kata ganti nama yang berhubung *هما* merupakan *maf'ul bih* kepada kata kerja *كذب*. Kata nama *اثنين* adalah kata nama bilangan untuk dua yang mana tanda mansubnya adalah "ي" iaitu disebut dengan *اثنين* seterusnya marf'u dengan huruf *ا* iaitu

disebut dengan اثنان . Seterusnya dalam ayat suci al-Qur'an di atas terdapat *maf'ul bih* kepada kata kerja عزز yang dibuang. *Maf'ul bih* yang dibuang adalah kata ganti nama yang berhubung هما. Dari sudut pengkajian ilmu balaghah pembuangan *maf'ul bih* ini adalah bertujuan untuk membawa makna yang padat lagi tepat dengan menggunakan ayat yang ringkas iaitu (فن الإيجاز).

Seterusnya pembuangan *maf'ul bih* ini juga, untuk menguatkan lagi tentang kebenaran utusan-utusan Allah SWT dan dalam masa yang sama terserlah dengan begitu jelas sekali kemuliaan serta keperkasaan para utusan-utusan Allah SWT dan kehinaan orang-orang yang menolak kerasulan utusan-utusan Allah SWT (al-Darwisy, 1994). Asal perkataan ialah فعززنا بثالث .

ii) Dalam surah Yasin ayat 34

وَجَعَلْنَا فِيهَا جَنَّاتٍ مِّنْ نَّخِيلٍ وَأَعْنَابٍ وَفَجْرَتًا فِيهَا مِنَ الْعُيُونِ ﴿٣٤﴾

Maksudnya:

Dan Kami jadikan di bumi itu kebun-kebun kurma dan anggur, dan Kami pancarkan padanya beberapa mata air.

Kata nama جنات adalah *maf'ul bih* kepada kata kerja جعل . Kata nama جنات ini adalah kata nama *jama' mu'annath salim* yang mana kata nama tunggalnya adalah جنة . Seterusnya terdapat *maf'ul bih* kedua yang dibuang kepada kata kerja جعل iaitu rangkaian kata ينابيع كائنة. Seterusnya rangkaian kata ينابيع كائنة juga merupakan *maf'ul bih* yang dibuang kepada kata kerja فجر. Jika ditakwilkan ayat suci al-Qur'an al-Karim ini akan berbunyi:

وجعلنا فيها جنات ينابيع كائنة وفجرنا فيها ينابيع كائنة من العيون

Kata kerja جعل adalah tergolong dalam kata kerja transitif yang menasabkan dua *maf'ul bih*. *Maf'ul bih* ini dibuang bertujuan penyesuaian dari sudut makna (al-Darwisy 1994).

iii) Surah Yasin ayat 35

لِيَأْكُلُوا مِنْ ثَمَرِهِۦٓ وَمَا عَمِلَتْهُ أَيْدِيهِمْ أَفَلَا يَشْكُرُونَ ﴿٣٥﴾

Maksudnya:

Supaya mereka makan dari buah-buahannya dan dari apa Yang dikerjakan oleh tangan mereka; maka Patutkah mereka tidak bersyukur?

Dalam ayat di atas terdapat *maf'ul bih* yang dibuang iaitu kata nama النعمة. Manakala 'amil yang menasabkannya adalah kata kerja يشكرون. *Maf'ul bih* ini dibuang bertujuan penyesuaian dari sudut makna (al-Darwisy 1994).

iv) Surah Yasin ayat 67

وَلَوْ نَشَاءُ لَمَسَخْنَهُمْ عَلَىٰ مَكَاتَتِهِمْ فَمَا اسْتَطَعُوا مُضِيًّا وَلَا يَرْجِعُونَ ﴿٦٧﴾

Maksudnya:

(Kekuatan akal fikiran mereka juga tidak sihat) dan kalau Kami kehendaki, Kami berkuasa mengubah keadaan jasmani mereka (menjadi kaku beku) di tempat Yang mereka berada padanya; maka Dengan itu, mereka tidak dapat mara ke hadapan dan juga tidak dapat undur ke belakang.

Dalam ayat suci al-Qur'an al-Karim di atas terdapat *maf'ul bih* yang dibuang iaitu kata nama مسح. Manakala 'amil yang menasabkannya adalah kata إنشاء. *Maf'ul bih* ini dibuang bertujuan penyesuaian dari sudut lafaz. Kata ganti nama yang berhubung هم adalah *maf'ul bih* kepada kata kerja مسحنا.

Kata ganti nama ini adalah untuk diri ketiga ramai maskulin. Walaupun diungkapkan dengan maskulin ia juga merangkumi feminin. Yang dimaksudkan المسخ ialah mengubah bentuk fizikal mereka kepada bentuk yang lebih buruk, sama ada menjadikan mereka kera dan babi sebagaimana yang berlaku pada kaum Nabi Musa a.s yang terdiri dari Bani Isra'il pada zaman Nabi Daud a.s. atau menjadikan batu-batu yang tidak boleh bergerak (Ibn Kathir). Kata nama مضيا adalah *maf'ul bih* kepada kata استطاعوا (al-Darwisy).

Kata kerja مضيا adalah masdar atas pola فعل. Kata kerja kala lalu ialah مضى atas pola فعل. Manakala kata kerja kala kini ialah يمضي atas pola يفعل. Yang dimaksudkan dengan مضيا adalah mereka tidak mampu mara ke hadapan mereka (al-Barusawiy t.th). Yang dimaksudkan dengan مضيا juga adalah mereka tidak berupaya menuju ke tempat mereka kehendaki (Al-Alusi t.th).

c) **Hadhf al-Mudaf**

i) Yasin ayat 25

إِنِّي آمَنْتُ بِرَبِّكُمْ فَاسْمِعُونِ ﴿٢٥﴾

Maksudnya:

Sesungguhnya Aku telah beriman kepada Tuhan kamu, maka dengarlah (nasihatku)"

Ayat diatas mengandung *Hadhf al-Mudaf* yang terletak pada kalimut *بربكم* dan di-taqdirkan dengan *إني أمنت بوحداية ربكم فاسمعون*. Taqdir pada ayat tersebut cukup memperjelas teks ayat, meskipun sebenarnya tanpa taqdir pun ayat tersebut cukup mudah difahami. Isi dari ayat tersebut adalah pernyataan keimanan kepada Allah sebagaimana difahami dari *إني أمنت* (al-Salami 1999).

ii) Yasin ayat 69

وَمَا عَلَّمْنَاهُ الشِّعْرَ وَمَا يَنْبَغِي لَهُ إِنْ هُوَ إِلَّا ذِكْرٌ وَقُرْآنٌ مُّبِينٌ ﴿٦٩﴾

Maksudnya:

(Nabi Muhammad bukanlah penyair) dan Kami tidak mengajarkan syair kepadanya, dan kepandaian bersyair itu pula tidak sesuai baginya. Yang Kami wahyukan kepadanya itu tidak lain melainkan nasihat pengajaran dan Kitab suci Yang memberi penerangan.

Dalam kitab *Majaz al-Qur'an* disebutkan bahwa pada ayat tersebut terjadi *Hadhf al-Mudaf* yang terletak pada kata *الشعر*. Tidak disebut *al-mudaf* pada perkataan *الشعر* adalah sangat tepat iaitu sesuai dengan apa yang dikehendaki oleh ayat, di mana keberadaan *mudaf* yang ditaqdirkan tersebut menyatakan bahawa Allah menafikan segala bentuk pengajaran syair kepada Nabi sehingga menegaskan bahwa Nabi bukan penyair dan al-Qur'an bukan syair (al-Salami 1999).

d) ***Hadhf al-Maf'ul***

i) Yasin ayat 66

وَلَوْ نَشَاءُ لَطَمَسْنَا عَلَىٰ أَعْيُنِهِمْ فَاسْتَبَقُوا الصِّرَاطَ فَأَنَّىٰ يُبْصِرُونَ ﴿٦٦﴾

Maksudnya:

(Matahati orang-orang Yang menderhaka itu rosak) dan kalau Kami kehendaki, Kami berkuasa menghapuskan bentuk dan biji mata kepala mereka menjadi rata, sehingga masing-masing menerpa mencari-cari jalan (yang biasa mereka lalui). (kiranya dijadikan demikian) maka Bagaimanakah mereka dapat melihatnya?

Terjadi *al-Hadhf* pada ayat di atas iaitu *maf'ul* kepada lafaz *ولو نشاء*. Taqdir *al-Hadhf* tersebut ialah *طمس أعينهم لطمسنا على أعينهم* (ولو نشاء طمس أعينهم). Dari sudut nahu, fi'il *نشاء* pada ayat tersebut memerlukan objek atau *maf'ul*. (Mahmud 1990).

Penggunaan kata *لو* pada kalimat *ولو نشاء لطمسنا* mengandung makna bahwa Allah sejak azali dinyatakan sebagai bentuk andai yang tidak akan terjadi meskipun begitu tidak bererti bahwa Allah tidak mampu untuk melakukannya. Oleh

itu, ketiadaan *maf'ul* secara *lafziyyah* dan menyatukannya secara *ma'nawiyah* dalam satu kata bersama *jawab al-syarat* لَطْمَسْنَا menunjukkan kesan yang kuat dan mendalam mengenai besarnya kehendak Allah untuk menghapus penglihatan mata mereka, namun kehendak tersebut tidak diwujudkan oleh Allah karena pertimbangan tertentu (Quraish Shihab 2013).

ii) Yasin 67

وَلَوْ نَشَاءُ لَمَسَخْنَهُمْ عَلَىٰ مَكَانَتِهِمْ فَمَا اسْتَطَعُوا مُضِيًّا وَلَا يَرْجِعُونَ ﴿٦٧﴾

Maksudnya:

(kekuatan akal fikiran mereka juga tidak sihat) dan kalau Kami kehendaki, Kami berkuasa mengubah keadaan jasmani mereka (menjadi kaku beku) di tempat Yang mereka berada padanya; maka Dengan itu, mereka tidak dapat mara ke hadapan dan juga tidak dapat undur ke belakang.

Perbahasan mengenai ayat ini sama dengan ayat sebelumnya iaitu adanya *maf'ul* yang dihadhalkan dan ditaqdirkan dengan kata *مسخهم*. Ketidadaan *maf'ul* (yang ditaqdirkan dengan *مسخهم*) tersebut akan membawa kesan dan makna yang mendalam mengenai apa yang dikehendaki, sehingga susunan ayat (tanpa *maf'ul* tersebut) dapat dimaksudkan sebagai bentuk ketegasan Allah dalam menyampaikan kehendak dan kekuasaan-Nya (Abi al-Fath 1954).

KESIMPULAN

Berdasarkan pentafsiran para *mufassir* pada ayat-ayat al-Quran yang mempunyai unsur-unsur elipsis (*al-hadhf*), memberi petunjuk jelas bahawa al-Quran mempunyai keindahan dan kedalaman makna dan perlu difahami berlandaskan ilmu. Manusia perlu memiliki ilmu untuk memahami wahyu Allah SWT serta menggunakan akal fikiran untuk memanfaatkan khazanah yang terdapat dalam al-Quran ini. Elipsis atau *al-hadhf* ini tidak membawa pengertian bahawa al-Quran itu tidak sempurna. Kewujudan elipsis (*al-hadhf*) merupakan satu keistimewaan bagi al-Quran.

BIBLIOGRAFI

Abdullah Basmeih. 2013. *Tafsir pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran (Cet. ke-22)*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.

Abu al-Fath 'Uthman. 1954. *Al-Munsif*: Dar al-Thaqafat al-'Ammat.

- Abu Shadiy, Mustafa 'Abd al-Salam Muhammad. 1992. *Al-Hadhf al-balaghiy fi al-Qur'an al-Karim*. Al-Qahirah: Maktabah al-Qur'an li al-Tab'wa al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Al-Alusiy, Abu al-Fadl Syihab al-Din al-Sayyid Mahmud. t.th. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiy.
- Al-Darwisy, Muhyi al-Din. 1994. *I'rab al-Qur'an al-Karim wa Bayanuh*. Beirut: Dar Ibn Kathir.
- Mahmud, Said Ahmad. 1990. *Al-hadhf wa al-Taqdir fi al-Quran al-Karim*. T.tp: Universiti Islam Bahawul Bur.
- Fadl Hasan 'Abbas. 2010. *Lata'if al-mannan wa rawa'i al-bayan fi nafy al-ziyadah wa al-hadhf fi al-Qur'an*. 'Amman: Dar al-Nafa'is li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Fayyud, Basyuni 'Abd al-Fattah. 1998. *'Ilm al-bayan: Dirasah tahliliyyah li masa'il al-bayan*. Al-Qahirah: Mu'assasah al-Mukhtar li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Ibn Kathir, 'Imad al-Din Abi al-Fida' Isma'il b. 'Umar b. Kathir. 2004. *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Al-Riyad: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Quraish Shihab. 2013. *Kaidah Tafsir: Syarat, Ketentuan, dan Aturan yang Patut Anda Ketahui dalam Memahami Ayat-ayat al-Qur'an*. Jakarta: Penerbit Lentera Hati.
- Al-Salami al-Syafi'i. 1999. *Majaz al-Quran: Mu'assasah al-Furqan li al-Turath al-Islami Al-Furqan Islamic*. London: Heritage Foundation.
- Al-Samirra'iy, Fadil Salih. 1998. *Al-Ta'bir Al-Qur'aniy*. 'Amman: Dar 'Ammar.
- Tammam Hassan. 1994. *Al-Lughah Al-'Arabiyyah: Ma'naha Wa Mabnaha*. Al-Maghrib: Dar al-Thaqafah.